

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT

Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2
Tarikh : 1 Disember 2020

PEKELILING CRIM BIL. 15/2020

**DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk /Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PERUBAHAN SILING PERUNTUKAN DANA PADANAN KOLABORASI (DPK) BAGI PERMOHONAN GERAN DPK SELEPAS 17 OGOS 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan ini, sukcita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 6/2020 pada 17 Ogos 2020 telah bersetuju membuat perubahan syarat pada siling peruntukan permohonan DPK bagi menarik lebih ramai penyelidik UKM memohon dana industri/antarabangsa,dan berusaha mendapatkan dana ini. Perubahan yang dibuat adalah seperti berikut:

No.	Syarat sedia ada	Perubahan syarat
1	Peruntukan geran industri/antarabangsa yang diterima mestilah sekurang-kurangnya RM50,000.00 dan ke atas.	<p>Peruntukan geran industri/ antarabangsa yang diterima sekurang-kurangnya:</p> <ul style="list-style-type: none">• RM10,000.00 bagi bidang Sains Sosial• RM20,000.00 bagi bidang Sains & Teknologi. <p>Nota : Jumlah peruntukan ini berdasarkan anggaran kemampuan industri dan antarabangsa untuk melabur dalam dalam R&D.</p>



CERTIFIED TO MS ISO 9001 2015

Cert No QMS 02549



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

No.	Syarat sedia ada	Perubahan syarat
2	<p>Penetapan siling DPK :</p> <p>(i) Bagi jumlah dana padanan yang diterima RM50,000 – RM499,999.99: layak menerima peruntukan DPK maksimum 10% daripada jumlah geran industri/antarabangsa yang diterima.</p> <p>(ii) Bagi jumlah dana padanan yang diterima melebihi RM500,000.00: layak menerima peruntukan maksimum RM50,000.00.</p>	<p>(i) Maksimum 10% dari jumlah peruntukan yang diterima atau minimum RM10,000.00.</p> <p>(ii) Tiada pindaan.</p>

3 Pelaksanaan perubahan syarat ini **berkuatkuasa mulai 17 Ogos 2020** bagi dana padanan yang telah diluluskan semasa pandemik covid-19 sehingga setahun selepas berakhir tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia.

4. Justeru, sukacita kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dapat memanjangkan hebahan ini kepada penyelidik di bawah pengurusan YBhg. Prof. Ulung/ Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini ini, pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai CRIM, Puan Syafura Abdul Halim di talian 03-89214679, dan e-mel: psupp@ukm.edu.my, dan Cik Adila Binti Abdul Rasib di talian 03-89214392 dan e-mel: adilarasib@ukm.edu.my.

5. Sekian dulu untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/ Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k.

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
UKM



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my